

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua  
Sidang Akademik 1994/95

April 1995

AKU403 - PERAKAUNAN KOS

Masa: [3 jam]

ARAHAN

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi TIGABELAS muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab EMPAT soalan sahaja.

Soalan 1

- (a) Syarikat kasut Joji membuat kasut kulit. Syarikat menggunakan pengekosan proses dengan menggunakan kos piawai. Terdapat tiga jabatan pemprosesan - menyamak, membentuk dan penyempurnaan. Kesemua bahan langsung dimasukkan diawal proses di jabatan menyamak. Kos pertukaran ditambah secara rata sepanjang proses di ketiga-tiga jabatan. Jadual berikut bagi kos piawai sepasang kasut telah disediakan.

	<u>Menyamak</u>	<u>Membentuk</u>	<u>Penyempurnaan</u>
Bahan langsung	RM 9.50 (1m kulit)		
Buruh langsung	6.00 (2 jam X RM3)	RM2.75 (1 jam)	RM2.35 (1 jam)
Overhed kilang	RM 14.00 (2 jam X RM7)	5.00 (1 jam)	3.00 (1 jam)
Jumlah	<u>RM29.50</u> =====	<u>RM7.75</u> =====	<u>RM5.35</u> =====

...2/-

- 2 -

Maklumat berhubung dengan kuantiti bagi aktiviti di bulan November adalah seperti berikut:

	<u>Menyamak</u>	<u>Membentuk</u>	<u>Penyempurnaan</u>
Unit awal di dalam proses	0	0	0
Unit dimulakan didalam proses	50,000	-	-
Unit diterima sepanjang tempoh	-	43,000	39,000
Unit dipindah ke jabatan seterusnya	43,000	39,000	-
Unit dipindah ke inventori barangan siap	-	-	31,000
Unit akhir di dalam proses	7,000	4,000	8,000
Peratusan siap	50%	25%	75%

Sepanjang bulan November kos sebenar yang berlaku adalah seperti berikut:

Bahan langsung di beli: 65,000 meter kulit pada harga RM9.80 semeter.

Bahan langsung yang diperlukan: 47,200 meter

Buruh langsung

	<u>Menyamak</u>	<u>Membentuk</u>	<u>Penyempurnaan</u>
Jam buruh sebenar	93,750	38,250	37,565
Kadar sebenar	RM3.10	RM2.95	RM2.25

Overhed kilang (berdasarkan jam buruh langsung)

	<u>Menyamak</u>	<u>Membentuk</u>	<u>Penyempurnaan</u>
Overhed kilang sebenar	RM690,000	RM179,000	RM110,000
Belanjawan overhed tetap	RM380,000	RM122,500	RM 40,000
Kadar penggunaan overhed berubah	RM3.00	RM1.50	RM2.00
Kadar penggunaan overhed tetap	RM4.00	RM3.50	RM1.00
Keupayaan normal dalam jam buruh langsung	95,000	35,000	40,000

Dikehendaki:

Kirakan untuk bulan November:

- (i) Varians harga bahan langsung bagi syarikat.
- (ii) Varians kecekapan bahan langsung bagi Jabatan Menyamak.

...3/-

- 3 -

- (iii) Varians harga buruh langsung dan varians kecekapan buruh langsung bagi kesemua jabatan berserta jumlah.
- (iv) Analisis overhead kilang dua faktor, bagi kesemua jabatan berserta jumlah.
- (v) Jumlah inventori akhir barangan siap (pada piawai) dengan anggapan 20,000 unit telah dijual.
- (b) Syarikat Dayang mempunyai tiga jabatan; dua jabatan pengeluaran dan satu perkhidmatan. Sistem kos pemrosesan digunakan untuk mengira kos.

## Belanjawan untuk bulan April

	Jabatan Pengeluaran*		Jabatan Perkhidmatan Pembaikan
	1	2	
Jam mesin	1,800	1,700	
Jam buruh langsung	3,500	2,500	
Peratusan keupayaan loji	100%	100%	100%
Overhed kilang:			
Buruh tak langsung	RM6,650	RM5,025	RM6,650
Penyeliaan	4,750	3,000	6,125
Bahan tak langsung	2,625	1,650	2,975
Susutnilai (garislurus)	2,050	1,990	850
Belanja sewa	1,000	875	900
Pelbagaian	875	825	700

\* Kos jabatan pengeluaran tidak termasuk kos jabatan perkhidmatan.

Belanja tetap adalah penyeliaan, susutnilai dan belanja sewa; belanja lain adalah berubah.

Dikehendaki:

Sediakan Belanjawan Overhed Kilang Statik (Static Factory Overhead Budget) untuk jabatan pengeluaran dan perkhidmatan pada tahap keupayaan 80%.

[25 markah]

...4/-

- 4 -

Soalan 2

- (a) Penyata pendapatan di bawah adalah untuk Syarikat Mankee, di mana akauntan telah menganggap product sampingan (by-product) sebagai tidak penting.

Syarikat Mankee		
Penyata Pendapatan bagi tahun berakhir 31 Disember 19X6		
Jualan (295,500 ton X RM3.10)		RM916,050
Kos barangan di jual (termasuk kos tambahan pemrosesan) .....	RM500,000	
Tolak: inventori akhir (17,000 ton X RM1.60) .....	27,200	472,800
	-----	-----
Untung kasar atas jualan		443,250
Tolak: Belanja operasi .....	RM 31,000	
Belanja pemasaran .....	47,800	78,800
	-----	-----
Pendapatan bersih dari operasi		364,450
Pendapatan lain:		
Hasil kasar dari jualan produk sampingan		25,000
		-----
Pendapatan bersih		RM389,450
		=====

Pihak pengurusan sedang menentukan sama ada untuk mengambilkira produk sampingan sebagai inventori atau tidak, maklumat berikut telah didapatkan.

Data produk sampingan:

1. Kos pemrosesan selepas pengasingan adalah 2.5% daripada kos pengeluaran.
2. Kos pentadbiran berkaitan dengan produk sampingan adalah 8% daripada jumlah belanja pentadbiran.
3. Belanja pemasaran berhubung dengan produk sampingan adalah 5% daripada jumlah belanja pemasaran.
4. Peratusan untung kasar adalah 15%.
5. Tiada inventori akhir bagi produk sampingan.

Dikehendaki:

Tulis semula penyata pendapatan dengan menggunakan kaedah kos berbalik (reversal cost method) untuk mengagihkan sebahagian daripada kos bersama kepada produk sampingan.

...5/-

- 5 -

- (b) Syarikat Polo mengeluarkan sejenis bahan kimia melalui proses kimia yang unik. Terdapat dua jabatan, A dan B, yang mana fungsinya adalah seperti berikut:

Formula bagi bahan kimia memerlukan 1 kilo bahan X dan 1 kilo bahan Y. Secara ringkas, 1 kilo bahan X akan diproses di jabatan A dan dipindahkan untuk proses seterusnya di jabatan B, di mana 1 kilo bahan Y ditambah apabila proses tamat. Bahan kimia yang telah siap kemudian dipindahkan ke dalam inventori barangan siap. Proses ini adalah berterusan, beroperasi 24 jam sehari.

Kerosakan normal berlaku di jabatan A. 5% daripada bahan X rosak dalam beberapa saat yang pertama di dalam pemrosesan.

Polisi syarikat adalah untuk mengambil kira kerosakan unit di dalam pengeluaran sebagai kos elemen berasingan di jabatan di mana kerosakan berlaku.

Tiada kerosakan berlaku di jabatan B.

Di jabatan A, kos pertukaran berlaku secara berseragaman di sepanjang proses.

Di jabatan B, kos pertukaran diagihkan secara sama kepada setiap kilo keluaran yang serata (equivalent kilo of output).

Unit ukuran bagi kerja di dalam proses dan inventori barangan siap adalah di dalam kilo.

Data berikut adalah untuk bulan Oktober.

	Jabatan A	Jabatan B
	-----	-----
Kerja di dalam proses, 1 Oktober	8,000 kilo	10,000 kilo
Peringkat kesiapan kerja didalam proses (satu kelompok/jabatan)	3/4	3/10
Dimulakan atau dari permindahan	50,000 kilo	?
Dipindah keluar	46,500 kilo	?
Inventori kerja di dalam proses, 31 Oktober	?	?
Peringkat kesiapan kerja bagi inventori akhir	1/3	1/5
Jumlah kilo setara bahan langsung ditambah ke Jabatan B	-	44,500 kilo

Dikehendaki:

- (i) Isikan jadual di atas.
- (ii) Sediakan Jadual Pengeluaran Setara (Equivalent Production Schedules) bagi Jabatan A dan Jabatan B untuk bulan Oktober di bawah sistem MDKD (FIFO).

...6/-

- 6 -

- (c) Syarikat Deedee mempunyai dua jabatan perkhidmatan (A dan B) dan dua jabatan pengeluaran (C dan D). Ia menggunakan kaedah algebra (algebraic) untuk mengagihkan belanjawan kos jabatan perkhidmatan. Maklumat dibawah disediakan:

Jabatan	Belanjawan kos	Perkhidmatan disediakan	
		Jabatan A	Jabatan B
Jumlah kos:			
Jabatan A	RM 10,000	-	20%
Jabatan B	20,000	35%	-
Kos overhead kilang:			
Jabatan C	14,000	15%	45%
Jabatan B	6,000	50%	35%
	-----	-----	-----
	RM 50,000	100%	100%
	=====	=====	=====

Jam buruh langsung:

Jabatan C	10,000
Jabatan D	5,000

Dikehendaki:

Dengan menggunakan maklumat di atas, agihkan jumlah belanjawan kos jabatan perkhidmatan dengan menggunakan kaedah algebra.

[25 markah]

...7/-

Soalan 3

- (a) Syarikat Kumbang membuat permainan kanak-kanak. Jumlah hasil adalah RM59,000. Kos bagi syarikat adalah seperti berikut:

Bahan .....	RM 5,200	(10% tidak langsung)
Buruh .....	7,000	(12% tidak langsung)
Overhed kilang.....	25,000	(termasuk bahan dan buruh tidak langsung)
Belanja am dan pentadbiran..	14,700	
Gaji pejabat .....	4,800	
Peralatan dibeli pada akhir tempoh (susutnilai diabaikan)	5,300	
	-----	
Jumlah	RM62,000	=====

Tiada unit di dalam proses pada akhir tahun dan 92% daripada barangan yang dikeluarkan pada tahun tersebut telah dijual.

Dikehendaki:

- (i) Kirakan pendapatan bersih atau kerugian sekiranya tiada perbezaan dibuat bagi kos produk dan kos tempoh, dan syarikat menggunakan asas tunai.
  - (ii) Tunjukkan analisis yang harus disediakan.
  - (iii) Kirakan pendapatan atau kerugian bersih yang betul.
- (b) Syarikat Medan mengeluarkan 100,000 unit basikal bagi tahun berakhir 31 Disember 19X9. Kos untuk tahun tersebut adalah:

Bahan.....	RM 73,000	(10% tidak langsung)
Buruh.....	RM 97,000	( 7% tidak langsung)
Overhed kilang.....	125% daripada kos buruh langsung	
Inventori kerja didalam proses, 1 Januari 19X1...	RM 35,250	
Inventori kerja didalam proses, 31 Disember X1....	RM 27,000	

Peratusan overhed kilang termasuk bahan tidak langsung dan buruh tidak langsung.

Dikehendaki:

Sediakan Penyata kos barangan dikeluarkan (Cost of goods manufactured statement) bagi tempoh tersebut.

- 8 -

- (c) Syarikat Macee memberi bonus akhir tahun bersamaan  $1\frac{1}{2}$  minggu gaji kepada semua pekerja yang telah berkhidmat untuk sekurang-kurangnya dua tahun. Syarikat juga mempunyai polisi cuti yang berikut:

1 - 3 tahun perkhidmatan	:	1 minggu cuti berbayar
4 - 9 tahun perkhidmatan	:	$3\frac{1}{2}$ minggu cuti berbayar
Lebih dari 9 tahun	:	4 minggu cuti berbayar

Rekod gaji menunjukkan yang berikut:

Nama	Tahun perkhidmatan	Gaji mingguan
----	-----	-----
Ali	7	RM 225
Bakar	$\frac{1}{4}$	125
Che Mat	9	275
Daud	12	350
Endah	25	495
Farid	2	200
Ghani	1	175
Haji	6	210
		-----
		RM 2,055
		=====

Dikehendaki:

- (i) Tentukan jumlah yang harus di ketepikan setiap minggu untuk cuti setiap pekerja.
- (ii) Kirakan bonus bagi setiap pekerja dan jumlah bayaran bonus tahunan.
- (iii) Sediakan catatan jurnal untuk merekodkan gaji.

[25 markah]

...9/-



Soalan 4

Syarikat Blu Marin, sebuah syarikat penangkapan ikan di Teluk Bahang, mempunyai tiga unit operasi.

1. Penangkapan: Beroperasi dengan 20 bot.
2. Pemprosesan: Memproses ikan mentah kepada kepingan ikan.
3. Pemasaran: Membungkus kepingan ikan kedalam pek 2 kilo, yang dijual kepada pemborong pada harga RM12 sebungkus.

Unit Pemprosesan menghasilkan 500 kilo kepingan ikan daripada 1,000 kilo ikan mentah yang dibekalkan dari Unit Penangkapan. Unit Pemasaran menghasilkan 300 pek 2 kilo kepingan ikan daripada setiap 500 kilo kepingan ikan yang telah diproses. (Berat bahan bungkusan termasuk di dalam kiraan berat 2 kilo). Maklumat kos bagi setiap unit adalah seperti berikut:

## Unit Penangkapan Ikan

Kos berubah per kilo ikan mentah	RM 0.20
Kos tetap per kilo ikan mentah	RM 0.40

## Unit Pemprosesan Ikan

Kos berubah per kilo ikan diproses	RM 0.80
Kos tetap per kilo ikan diproses	RM 0.60

## Unit Pemasaran Ikan

Kos berubah per pek 2 kilo	RM 0.30
Kos tetap per pek 2 kilo	RM 0.70

Kos tetap per unit adalah berdasarkan anggaran kuantiti ikan mentah, ikan diproses dan pek 2 kilo yang akan dihasilkan pada musim semasa.

Di kawasan Teluk Bahang, harga pasaran ikan mentah adalah RM1.00 sekilo dan harga kepingan ikan adalah RM5.00 sekilo.

Dikehendaki:

- (a) Kirakan pendapatan daripada operasi dengan tangkapan ikan sebanyak 1,000 kilo, diproses kepada kepingan ikan dan dijual dalam bentuk pek 2 kilo.

[4 markah]

- (b) Kirakan harga pindah yang akan digunakan untuk pemindahan dalam: (i) daripada Unit Penangkapan ke Unit Pemprosesan (ii) daripada Unit Pemprosesan ke Unit Pemasaran dengan menggunakan kaedah-kaedah berikut:

- (1) 200% kos berubah.
- (2) 150% daripada kos penuh.
- (3) Harga pasaran.

[4 markah]

- (c) Syarikat Blu Marin memberi ganjaran bonus kepada setiap pengurus bahagian, dikira atas 10% pendapatan dari operasi (jika positif) bagi unit tersebut. Apakah amaun bonus yang akan dibayar kepada setiap pengurus bahagian di bawah ketiga-tiga jenis kaedah harga pindah seperti (b) di atas. Kaedah yang manakah akan dipilih oleh setiap pengurus unit?

[4 markah]

- (d) Andaikan bahawa, Syarikat Blu Marine menggunakan harga pindah 150% daripada kos penuh. Presiden syarikat telah menghadiri sebuah seminar mengenai kebaikan pemencaran (decentralisation), dan bercadang untuk melaksanakan pemencaran di dalam syarikat. Memo telah dihantar kepada kesemua pengurus unit: "Bermula sekarang, setiap unit syarikat adalah bebas untuk membuat keputusan mengenai pembelian bahan langsung dan penjualan bagi barangan siap mereka".

- (i) Berikan 2 contoh masalah matlamat bersamaan (goal congruence) yang mungkin terjadi jika syarikat terus menggunakan harga pindah 150% kos penuh dan polisi pemencaran.

- (ii) Presiden syarikat sedang menyiasat sama ada polisi dwi-harga pindah akan mengurangkan masalah matlamat bersama. Pindahan keluar dari unit penjualan akan dibuat pada 150% kos penuh; pindahan ke dalam unit belian, akan dibuat pada harga pasaran. Dengan menggunakan polisi dwi-harga pindah, kirakan pendapatan dari operasi bagi setiap unit untuk tangkapan 1,000 kilo ikan mentah yang mana akan diproses dan dipasarkan oleh Syarikat Blu Marin.
- (iii) Kirakan jumlah bagi pendapatan dari operasi setiap unit seperti di dalam (ii). Mengapakah mungkin jumlah ini tidak sama dengan pendapatan syarikat keseluruhannya?
- (iv) Apakah masalah yang mungkin timbul sekiranya Syarikat Blu Marin menggunakan sistem dwi-harga pindah yang di terangkan di dalam (ii)?

[13 markah]

Soalan 5

- (a) Syarikat Melewar menjual dua jenama gelas minuman - Flora dan Aqua. Maklumat berikut mengenai jualan adalah untuk bulan Jun 1994.

Jumlah margin sumbangan belanjawan statik	RM 5,600
Anggaran jumlah jualan kesemua gelas (Jun)	2,000 unit
Margin sumbangan setiap unit gelas Flora	RM 2 seunit
Margin sumbangan setiap unit gelas Aqua	RM 6 seunit
Jumlah varians volum jualan tulin	RM 1,400 U
Peratusan campuran jualan sebenar Aqua	60%

Dikehendaki:

- (i) Kirakan varians volum tulin bagi setiap jenama gelas bagi Jun 1994.
- (ii) Kirakan bagi setiap jenama varians campuran bagi Jun 1994 dan jumlahnya.
- (iii) Kirakan bagi setiap jenama varians volum bagi Jun 1994 dan jumlahnya.
- (iv) Berikan ulasan anda terhadap varians-variens di atas.

[12 markah]

- (b) Syarikat Yakin mempunyai tiga bahagian operasi. Pengurus bagi setiap bahagian dinilai atas pendapatan operasi bahagian yang termasuk overhead syarikat yang diagihkan berasas pada hasil setiap bahagian. Penyata pendapatan operasi (RM '000) bagi suku tahun pertama 1994 adalah seperti di bawah:

	Bahagian Leo	Bahagian Virgo	Bahagian Gemini	Jumlah
	RM	RM	RM	RM
Hasil	2,000	1,200	1,600	4,800
Kos barangan dijual	1,050	540	640	2,230
Sumbangan kasar	950	660	960	2,570
Overhed bahagian	250	125	160	535
Overhed syarikat	400	240	320	960
Pendapatan operasi bahagian	300	295	480	1,075

...13/-

- 13 -

Pengurus Bahagian Leo tidak berpuas hati dengan keuntungannya yang hampir sama dengan Bahagian Virgo dan terlalu rendah daripada Bahagian Gemini, walaupun hasil bahagiannya adalah lebih tinggi dari kedua-dua bahagian lain. Pengurus tersebut sedar bahawa produk X, salah satu daripada keluaran bahagiannya membawa pulangan yang rendah. Produk X akan diganti dengan keluaran yang lebih menguntungkan pada tahun 1995. Walaubagaimanapun, produk X masih dikeluarkan kerana ia menyumbangkan keuntungan dan menggunakan fasiliti kilang terbiar. Pengurus bahagian Leo sedar yang jualan dari produk X itu menyebabkan bahagiannya diagihkan overhead syarikat yang tinggi. Produk X ini mempunyai ciri-ciri berikut pada suku tahun sebelumnya (RM 000):

Hasil	RM 800
Kos barang dijual	600
Overhed bahagian yang boleh dielakkan	100

Dikehendaki:

1. Sediakan penyata pendapatan kendalian untuk Syarikat Yakin untuk suku tahun kedua bagi 1995. Andaikan bahawa hasil dan keputusan operasi adalah sama dengan suku tahun pertama kecuali pengurus bahagian Unit Leo telah menggugurkan produk X.
2. Adakah kedudukan Syarikat Yakin lebih baik dari keputusan ini?
3. Adakah kedudukan pengurus Unit Leo lebih baik dengan keputusan ini?
4. Bagaimanakah sistem penilaian bahagian boleh diubah supaya pengurus-pengurus bahagian akan mengambil keputusan yang terbaik bagi syarikat keseluruhannya?

[13 markah]

- 000000 -

